

Filateli

Apakah yang anda tahu tentang filateli? Pernahkah anda mendengar mengenainya?

Filateli ialah aktiviti mengumpul dan menyusun bahan pos seperti setem pos, sampul surat dan bahan-bahan lain. Filateli berasal daripada dua perkataan Greek, iaitu *philos* bermaksud mencintai dan *lately* bermakna percuma.

Tiada siapa pun yang mengetahui sejak bila filateli menjadi hobi. Walau bagaimanapun, ada yang menyatakan bahawa kegiatan mengumpul setem mula mendapat perhatian apabila **album** setem pertama dikeluarkan di England pada tahun 1852.

Pengumpulan setem boleh dijadikan hobi yang menarik. Hobi mengumpul setem boleh menambah **kenalan** tanpa mengira umur, bangsa mahupun bahasa. Selain itu, pengumpul setem dapat memperoleh ilmu dari segi sejarah dan pencapaian penting di sebalik **reka bentuk** setem tersebut. Contohnya setem bergambar bunga ada dinyatakan nama saintifik dan asal usul bunga tersebut. Maklumat tersebut boleh dijadikan **rujukan** kepada pengumpul setem.

Oleh itu, Pos Malaysia telah menubuhkan Biro Filateli Malaysia. Biro ini memainkan peranan aktif dalam **menyemai** minat mengumpul setem dalam kalangan pelajar sekolah. Penubuhan biro ini juga dapat menukar **persepsi** masyarakat bahawa mengumpul setem bukanlah sekadar hobi tetapi aktiviti yang boleh membawa pulangan **lumayan**.



Arahan: Baca dan fahami petikan. Jawab soalan di bawah.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan filateli?

2. Nyatakan faedah mengumpul setem.

3. Berikan maksud perkataan yang berhuruf tebal.

a) album



b) kenalan



c) reka bentuk



d) rujukan



e) menyemai



f) persepsi



g) lumayan

